

KEPUTUSAN PERNIAGAAN

Perkongsian Rith City Electric adalah sebuah perkongsian dan setakat bulan April ini, memperoleh untung bersih sebanyak RM21 572. Perniagaan kami berjaya memperoleh untung bersih yang agak baik dan meningkat berbanding bulan Mac 2014. Kadar pulangan atas modal ialah sebanyak 9.0 %. Dijangkakan ia akan meningkat dari semasa ke semasa sehinggalah ke tarikh penutupan akaun pada 31 Disember 2014.

Sedikit sebanyak prestasi perkongsian ini memberi gambaran perniagaan menjual peralatan elektrik sememangnya menguntungkan. Untuk memastikan prestasi perniagaan ini dapat ditingkatkan lagi, usaha terancang yang lebih baik perlu dilakukan secepat mungkin.

Cadangan Peningkatan Prestasi Semasa Perniagaan

Berikut adalah tiga cadangan meningkatkan prestasi semasa perniagaan.

- (i) Menjalankan aktiviti promosi dan publisiti dengan lebih kerap,
- (ii) Menjual peralatan elektrik yang dijamin berkualiti dan dari jenama yang terkemuka, dan
- (iii) Memastikan pihak kami memberikan perkhidmatan pelanggan yang terbaik kepada pelanggan sedia ada mahupun pelanggan baru.

Cadangan Peningkatan Prestasi Jangka Panjang Perniagaan

Berikut adalah empat cadangan meningkatkan prestasi jangka panjang perniagaan.

- (i) Mewujudkan cawangan kedai baru di bandar lain dalam tempoh 5 tahun akan datang,
- (ii) Membesarkan kedai sedia ada dengan rekaan dalaman yang menarik dan menggembirakan pelanggan,

- (iii) Mendapatkan kerjasama jenama terkemuka seperti Samsung, Sony atau jenama lain yang besar untuk melantik kami sebagai pusat sehenti jualan rasmi syarikat tersebut bagi daerah kami beroperasi, dan
- (iv) Meningkatkan keupayaan kakitangan dengan melantik pegawai pemasaran dan teknikal bertauliah di samping menambah bilangan pekerja sesuai dengan peningkatan volum jualan.

Rumusan

Kami, rakan kongsi untuk perniagaan Perkongsian Rith City Electric percaya perniagaan ini dapat dimajukan dengan usaha bersungguh-sungguh, bijaksana dan profesional. Kami juga percaya kerjasama kami bertiga yang mempunyai modal dan kemahiran tersendiri mampu menjadikan Perkongsian Rith City Electric menjadi destinasi pilihan masyarakat setempat apabila membeli peralatan elektrik. Kami pasti berjaya melakukannya.

Laporan disediakan oleh,

Rithuman N.

En. Rithuwan Bin Nasir

Pengurus Pentadbiran dan Perakaunan

Perkongsian Rith City Electric

Tarikh : 1hb. Mei, 2014